3.2 Menaiktaraf Tapak Semaian Pusing (Bekalan Anak Benih)	20,000 pokok	126,440.00				
JUMLAH		174,804.50				

Program dan Aktiviti	P07			KWPH		
	Matlamat Fizikal	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)	Matlamat Fizikal	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
4.0 PEMBANGUNAN HUTAN ASLI						
4.1 Tanaman Bakau dan Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara						
4.2 Penubuhan Arboretum Perhutanan	1 buah	70,856.00				
4.3 Simpanan Hutan Dara	300 ha	99,992.36				
4.4 Inventori Hutan Selepas Tebangan (Post-F)				7,000 ha	628,713.50	
4.5 Memotong Akar Pepanjat (CL)				1,500 ha	153,154.00	
4.6 Tanaman dan Rawatan Mengaya				100 ha	147,318.50	
4.7 Tanaman dan Rawatan Bakau	400 ha	898,512.47				
4.8 Pemuliharaan Kawasan Terosot				20 ha	30,147.00	
4.9 Pembangunan Tapak Semaian				7 buah	138,628.00	
JUMLAH		1,069,360.83			1,097,961.00	
5.0 EKO PELANCONGAN DAN HUTAN LIPUR						
5.1 Hutan Bandar	1 program perhutanan	97,482.16				
5.2 Penubuhan dan Penyelenggaraan Hutan Lipur	7 buah	1,828,935.20				
5.3 Menaiktaraf Dan Penyelenggaraan Hutan Lipur				6 buah	0.00	
5.4 Pembangunan Prasarana dan Pempograman Rekreas Di Taman Rimba Kledang Saiong				1 buah	18,170.00	
5.5 Rancangan Pengurusan & Kerja-Kerja Pembangunan Hutan Lipur Bukit Larut				1 rancangan	0.00	
5.6 Sistem Amaran Kepala Air				2 buah	35,420.00	
JUMLAH		1,926,417.36			53,590.00	
6.0 PEMBANGUNAN LADANG HUTAN						
6.1 Rawatan dan Penyelanggaraan Ladang Hutan				25 ha	100,000.00	
6.2 Penubuhan Ladang Hutan				10 ha	59,910.00	
6.3 Pengurusan Pembangunan Ladang Hutan					49,999.60	
JUMLAH					209,909.60	

Program dan Aktiviti	P07			KWPH		
	Matlamat Fizikal	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)	Matlamat Fizikal	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
7.0 PENGURUSAN SUMBER BUKAN KAYU						
7.1 Tanaman dan Rawatan Hutan Tani	20 ha	19,980.00				
7.2 Tanaman dan Rawatan Rotan	10 ha	6,659.60				
7.3 Tanaman dan Rawatan Buluh	10 ha	49,948.00				
7.4 Tanaman dan Rawatan Herba Hutan	20 ha	0.00				
7.5 Penyelenggaraan Taman Herba, Papan				1 buah	274,929.46	
JUMLAH		76,587.60			274,929.46	
8.0 INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN						
8.1 Penyelenggaraan/ Naiktaraf Bangunan Pejabat dan Kuarters		1,332,486.62				
8.2 Pembinaan Baru Bangunan Pejabat/ Kuarters		871,002.64				
8.3 Pembinaan dan Penyelenggaraan Jalan Hutan		71,200.00				
JUMLAH		2,274,689.26				
9.0 PUBLISITI, LATIHAN DAN PENGEMBANGAN						
9.1 Risalah Perhutanan dan Lain-Lain Penerbitan			3 penerbitan	125,387.96		
9.2 Pameran Perhutanan			10 program	279,031.00		
9.3 Ceramah dan Kempen Kesedaran Perhutanan			5 ceramah	46,805.88		
9.4 Pembelian Peralatan dan Kelengkapan Kerja Luar			Ibu pejabat & 5 daerah	196,980.40		
9.5 Pembelian Kenderaan Pacuan Empat Roda			10 buah	653,639.14		
9.6 Penyelenggaraan Kenderaan				10,928.60		
JUMLAH				1,312,772.98		
10.0 PENILAIAN DAN PEMANTAUAN SUMBER HUTAN						
10.1 Pemantauan Udara			30 jam	50,600.00		
10.2 Pengangkutan Untuk Membawa Barang Kes (Jentera)			12 penghantaran	26,749.60		
JUMLAH				77,349.60		
11.0 IT DAN K PERHUTANAN						
11.1 Pembangunan Sistem Hasil Perhutanan			3 item	72,600.00		
11.2 Peningkatan Sistem GIS			2 item	20,606.00		
JUMLAH				93,206.00		
12.0 PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA						
12.1 Elaun Perjalanan Kakitangan			300 orang	237,253.12		
12.2 Elaun dan Gaji Kakitangan Kontrak			40 orang	731,282.88		
12.3 Kursus dan Latihan Kakitangan			12 kursus	170,937.32		
JUMLAH				1,139,473.32		
JUMLAH BESAR		6,451,722.30			4,841,713.26	
PERATUS PERBELANJAAN (%)		86.02			65.30	



■ Hutan Lipur Pasir Panjang

■ PERLEMBAGAAN, DASAR DAN **UNDANG-UNDANG**

JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK



■ PERLEMBAGAAN, DASAR DAN UNDANG-UNDANG



Peruntukan Perlembagaan

Di bawah artikel 74(2) Perlembagaan Malaysia, Perhutanan berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, setiap negeri berkuasa menjalankan undang-undang di sektor perhutanan dan menggubal dasar perhutanan mereka sendiri. Pihak Berkuasa Persekutuan hanya memberi nasihat dan bantuan teknikal kepada negeri, penyelenggaraan stesen-stesen percubaan dan demonstrasi, latihan dan penyelidikan.

Bagi memudahkan penyelesaian dan penyeragaman dalam bidang perhutanan, Majlis Perhutanan Negara (MPN) telah ditubuhkan pada 20 Disember 1971 oleh Majlis Tanah Negara (MTN). MTN diberi kuasa di bawah Perlembagaan Malaysia untuk menggubal dasar kebangsaan bagi memaju dan mengawal penggunaan tanah untuk perlombongan, pertanian dan perhutanan. MPN merupakan forum bagi Kerajaan Persekutuan dan Negeri membincangkan masalah dan isu bersama yang berkaitan dengan dasar, pentadbiran dan pengurusan perhutanan. Semua keputusan MPN perlulah disahkan oleh MTN. Tugas untuk melaksanakan keputusan MPN adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri kecuali jika ianya di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Dasar Perhutanan Negara

Dasar Perhutanan Negara (DPN) telah diluluskan oleh Majlis Perhutanan Negara pada tahun 1977 dan kemudiannya disahkan oleh Majlis Tanah Negara pada

19 April 1978. Seterusnya dasar ini telah diterimapakai di Negeri Perak Darul Ridzuan. Penggubalan dasar tersebut adalah menjurus kepada pendekatan yang menyeluruh untuk menangani cabaran-cabaran yang dihadapi oleh sektor perhutanan dalam mengurus, memelihara dan membangunkan sumber hutan.

Pada tahun 1992, Dasar Perhutanan Negara telah dikaji semula selaras dengan kesedaran masyarakat keseluruhannya tentang kepentingan hutan dari segi sosio-ekonomi dan perlindungan alam sekitar. Dengan itu, Majlis Tanah Negara telah meluluskan Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) pada 10 November 1992. Negeri Perak Darul Ridzuan telah menerima dasar tersebut yang menjurus ke arah pendekatan mengurus sumber hutan secara berkekalan untuk pembangunan sosio-ekonomi, pemuliharaan hutan dan menjaga kepentingan alam sekitar.

Majlis Perhutanan Negara

Bagi menyelaraskan hal-hal pentadbiran, pengurusan dan pembangunan hutan, Majlis Perhutanan Negara (MPN) telah ditubuhkan pada 20 Disember 1971 oleh Majlis Tanah Negara (MTN). Penubuhan MPN tidak berdasarkan kepada mana-mana peruntukan dalam perlembagaan. MPN merupakan forum bagi Kerajaan Persekutuan dan Negeri membincangkan masalah dan isu bersama yang berkaitan dengan dasar, pentadbiran dan pengurusan perhutanan. Semua keputusan MPN perlulah disahkan oleh MTN. Tugas untuk melaksanakan keputusan MPN adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri kecuali jika ia di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Undang-Undang

I. Akta Perhutanan Negara 1984

Akta ini digubal bertujuan untuk memastikan pelaksanaan dan pencapaian objektif-objektif yang telah digariskan dalam Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992). Ia adalah seragam di semua negeri di Semenanjung Malaysia bagi menggantikan Enakmen-Enakmen Hutan yang telah digubal sebelum ini.

II. Kaedah-Kaedah Hutan 1987

Kaedah ini digubal sebagai panduan dan prosedur pelaksanaan Akta Perhutanan Negara (APN) di mana ia berpandukan Seksyen 111 APN 1984 (Pindaan 1993). Kaedah ini telah diwartakan pada 17 Disember 1987 dan mula berkuatkuasa pada 1 Januari 1988.

III. Enakmen Industri Berasaskan Kayu 1984

Enakmen ini telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada 25 Mac 1986 sebagai Enakmen Industri Berasaskan Kayu 1986 dan telah diwartakan pada 26 Mei 1986.

IV. Kaedah-Kaedah Industri Berasaskan Kayu 1987

Kaedah ini digubal sebagai panduan dan prosedur pelaksanaan Akta Industri Berasaskan Kayu 1984 dan berkuatkuasa pada 1 September 1987.

V. Dasar/Undang-undang/Dokumen Yang Berkaitan Berdasarkan Keperluan MC&I (Hutan Asli)

- Dasar Perhutanan Negara 1978;
- Akta Perhutanan Negara 1984 ;
- Akta Kerajaan Tempatan,1976;
- Dasar Kepelbagai Biologi Negara, 1998;
- Kaedah-Kaedah Hutan;
- Kaedah-Kaedah Industri Berasaskan Kayu 1990;
- Kaedah-Kaedah Hutan Tadahan Air (Perak) 2010;
- Rancangan Pengurusan Hutan;
- Kajian Separuh Penggal Rancangan Pengurusan Hutan;
- Manual Perhutanan (Jilid I);
- Manual Perhutanan (Jilid II);
- Manual Perhutanan (Jilid III);
- Manual Kerja Luar Sistem Pengurusan Memilih;
- Panduan Penentuan Catuan Tebangan Tahunan;
- Inventori Hutan Nasional Ke-4;
- Garis Panduan Jalan Hutan 2010;
- Garis Panduan Jalan Hutan 2010 (Pindaan 2013);
- Spesifikasi Jalan Hutan;
- Guidelines for Reduced Impact Logging;
- Garis Panduan Balai Pemeriksaan Hutan – BPH;
- Forest Related Laws (Vol 1);
- Forest Related Laws (Vol 2);
- Forest Related Laws (Vol 3);
- Aboriginal Peoples Act 1954;
- Kanun Tanah Negara, 1965;
- Kanun Keseksaan, (FMS Cap.6 45), 1984 (Pindaan 1993);
- Kanun Acara Jenayah, (FMS Cap.6),1903 (Pindaan 1995);
- Akta Keterangan, 1950 (Pindaan 1993);
- Akta Perlindungan Tanah,1960;
- Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Pindaan 1995);
- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994;

- Akta Prosedur Kewangan, 1967 (Pindaan 1993);
- Enakmen Bekalan Air, 1935;
- Employees Provident Fund Act 1991;
- Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969;
- Akta Pampasan Pekerja, 1952;
- Akta Perhubungan Pengusaha, 1967;
- Akta Kesatuan Sekerja, 1959 (Akta 262);
- Akta Pekerjaan, 1955;
- Federals Laws;
- Akta Kilang dan Jentera;
- Policies;
- Akta Perlindungan Hidupan Liar, 2010;
- Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia, 1973;
- Akta Taman Negara, 1980 (Pindaan 1983);
- Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Hutan Malaysia, 1985;
- International Agreements;
- Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO);
- National Physical Plan 2;
- Pekeling KPPSM Bil. 1/96;
- Pekeling KPPSM Bil. 1/97;
- Pekeling KPPSM Bil. 1/2009;
- Pekeling KPPSM Bil. 1/2010;
- Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Dalam Operasi;
- National Tiger Action Plan;
- Pelan Pengurusan Gajah;
- Laporan Tahunan JPSM 2014;
- Laporan Tahunan JPN Perak 2014;
- Panduan Kerja Luar Inventori Hutan Nasional Ke-5;
- Garis Panduan Kriteria Pemilihan dan Prosedur Penandaan Pokok Ibu;
- Panduan Penentuan Had Batas Tebangan;
- Panduan Mengisi Borang Bancian Kawasan Selepas Dibalak (LOF);
- Kod Amalan Pengusahaan Hutan Darat Asli SM;
- Panduan Pengusahaan Hutan Melalui Kawalan Isipadu;
- Kod Amalan Pengusahaan Hutan Paya Laut SM;
- Panduan Penubuhan Petak Contoh Kekal Ladang Hutan Kompensatori;
- Enakmen Perlombongan 1926;
- Panduan Penanaman Buluh;
- Panduan Penanaman Rotan;
- Panduan Penubuhan Ladang Spesies Cepat Tumbuh;
- Manual Pengurusan Tapak Semaian Spesies Pokok Hutan SM;
- Panduan Penubuhan dan Kerja Luar Petak Ekologi VJR;
- Panduan Kerja Luar Bancian Hutan Dara;
- A Manual of Enrichment Planting in Logged-Over Forest;
- Understanding REDD+;
- Kawasan Tadahan Air;
- Kawasan HCVFs;
- Panduan Penubuhan VJR;
- Hutan Simpan Dara Maklumat VJR;
- Bancian Hutan Sebelum Tebangan;
- Menanda & Mencuci;
- Hutan Penyelidikan;
- Biodata Perkampungan Orang Asli 2010;
- Akta Orang Asli,1954;
- Senarai Hidupan Liar;
- Manual Kerja Luar Kaw. Kajian Tetap CFI





■ Hutan Lipur Kuala Woh

■ IMBASAN

JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK



■ IMBASAN PENCAPAIAN RANCANGAN MALAYSIA KE-SEPULUH (RMK-10) JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMK-10), Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNP) telah diperuntukkan sebanyak RM220,996,414.00 bagi tujuan pengurusan dan pembangunan hutan dari tahun 2011 sehingga tahun 2015 seperti di Jadual 1.

Jadual 1 : Jumlah Peruntukan Dan Perbelanjaan Dalam Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMK-10) Jabatan Perhutanan Negeri Perak

Tahun	KWPH		P07		MENGURUS	
	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)
2011	7,850,000.00	6,818,131.69	6,000,000.00	5,245,305.68	26,283,730.00	24,504,711.84
2012	8,617,200.00	7,487,052.81	7,100,000.00	6,857,496.83	27,911,200.00	27,005,804.16
2013	8,125,020.00	8,100,028.31	7,100,000.00	6,924,363.75	30,617,500.00	29,683,058.42
2014	7,926,060.00	6,645,774.14	7,500,000.00	6,428,848.86	30,184,461.00	29,484,944.85
2015	7,415,000.00	4,841,713.26	7,500,000.00	6,451,722.30	30,866,243.00	30,646,494.38
JUM	39,933,280.00	33,892,700.21	35,200,000.00	31,907,737.42	145,863,134.00	141,325,013.65

Selain itu, JPNP juga telah menerima peruntukan sebanyak RM 5,401,866.84 (Jadual 2) dari pihak persekutuan di bawah peruntukan P(23) bagi melaksanakan projek-projek pembangunan hutan.

Tahun	P23	
	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)
2011	-	-
2012	3,443,972.12	3,016,109.20
2013	1,123,650.00	1,119,486.78
2014	594,244.72	589,228.32
2015	240,000.00	263,585.54
JUM	5,401,866.84	4,988,409.84

Sepanjang RMK-10 pelbagai kejayaan dan pencapaian telah diperolehi oleh JPNP. Antara kejayaan yang telah dicapai adalah seperti berikut :

- Majlis Forest Run @ Kledang Saiong Wildernest Park pada 6 Januari 2011 sempena Majlis Pelancaran CBioD City @ Meru Raya Kledang Saong Wildernest Park.
- Penemuan pokok Medang bersaiz 150cm dbh di sbhgn kompt 25 Hutan Simpan Temenggor.
- Penemuan pokok Berus mata buaya (Bruguiera hainesii) yang merupakan salah satu spesies yang tersenarai dalam Red List iaitu spesies kritikal terancam oleh IUCN telah direkodkan di kompt 18A Hutan Simpan Pulau Kechil, Kuala Sepetang.
- Persidangan Central Forest Spine (CFS) : The Offing of the state's Biodiversity Bastion yang berlangsung pada 19 – 20 Februari 2013 di River Front Hotel & Suites Ipoh.
- Program Hari Perhutanan Sosial, Sambutan ke-111 tahun Jabatan Perhutanan Semenanjung

Malaysia (JPSM) pada 16 Oktober 2013 di Sekolah Kebangsaan Temoh, Tapah.

- Amanjaya Tree Planting Program : Future Carbon Stocking and Cleaner Environment in a Biodiversed Forest yang diadakan pada 7 November 2013 di KM 152 Hutan Simpan Amanjaya Gerik
- Penganjuran Perak Conference on a Century of Matang mangrove Forest Management : Harnessing Transformation Ideas pada 24-26 November 2014 di Casuarina @ Meru Hotel Ipoh serta Pencapaian penanaman pokok yang ke-5 juta dalam kempen penanaman 2 juta pokok Negeri Perak Darul Ridzuan oleh YABhg. Tun Abdullah Ahmad Badawi.
- Majlis Perasmian Viaduct Koridor Ekologi Central Forest Spine (CFS) dan Tapak Projek Tropical Rainforest Living Collection Banun (TRLC-Banun) oleh DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibuddin Shah Al-Maghfur-Lah di Gerik, Perak Darul Ridzuan pada 22 September 2015.
- Penubuhan salah satu Taman Nepenthes terbesar di dunia, di Taman Rimba Kledang Saiong.
- Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 (Pindaan) 2015 telah diwartakan melalui pemberitahuan warta kerajaan negeri pada 31 Disember 2015 dan berkuatkuasa pada 1 Jan 2016.
- Penemuan pokok Keruing Paya yang merupakan salah satu spesis terancam di Hutan Simpan Chikus.
- Sebanyak 406,084 pokok bakau berjaya ditanam sepanjang program tanaman bakau di persisiran pantai.
- Sebanyak 10,624,113 pokok telah ditanam sepanjang kempen tanaman 26 juta pokok.
- Penggunaan teknologi satelit Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) seperti sistem e-Matang Mangrove Forest Reserve (e-MMFR)



Majlis Amanjaya Tree Planting Program : Future Carbon Stocking and Cleaner Environment in a Biodiversed Forest

PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

UNIT PENTADBIRAN

Bagi tahun 2015, sebanyak empat (4) kali Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) dan tiga (3) kali Mesyuarat Jawatankuasa Integriti Tadbir Urus (JITU) telah diadakan dengan jayanya seperti yang telah disasarkan pada setiap tahun. Audit dalaman iaitu Pengemaskinian Buku Perkhidmatan pada Mac 2015 dan Pemeriksaan Harta Modal dan Aset Bernilai Rendah iaitu pada Disember 2015 telah diadakan di peringkat Ibu Pejabat dan daerah-daerah bagi memastikan ia sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa. Selain itu, Unit Pentadbiran turut mengawal selia perjawatan di ibu pejabat, Jabatan Perhutanan Negeri Perak dan di daerah-daerah yang merangkumi 803 perjawatan mengikut kelulusan waran perjawatan daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

UNIT KEWANGAN

Pada tahun 2015, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah menerima peruntukan sebanyak RM7,500,000.00 daripada Kerajaan Negeri untuk dibelanjakan bagi menguruskan dan menjalankan Projek-Projek Pembangunan Hutan bagi Peruntukan Pembangunan (P07). Sebanyak RM6,451,722.30 atau 86.02% telah dibelanjakan pada tahun berkenaan.

Bagi peruntukan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWH), sebanyak RM7,415,000.00 telah diperuntukkan pada tahun 2015 dan perbelanjaan bagi KWH pada tahun 2015 adalah sebanyak RM4,841,713.26 atau 65.00%.

Peruntukan Persekutuan (P23) yang diterima daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia pula adalah sebanyak RM264,160.00 dan jabatan telah membelanjakan bagi projek-projek pembangunan hutan sebanyak RM263,585.54 atau 99.78% daripada peruntukan yang diterima.

Bagi perbelanjaan mengurus (B25) pula, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah diperuntukkan sebanyak RM30,866,243.00 pada tahun 2015 dan telah membelanjakan sebanyak RM30,639,335.20 atau 99.29% daripada peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan urusan pentadbiran yang melibatkan 5 (lima) daerah serta ibu pejabat.

Pada tahun 2015, kutipan hasil bagi Jabatan Perhutanan Negeri Perak adalah sebanyak RM56,496,042.95 atau 100.08% daripada anggaran hasil yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM56,448,902.00 dan jabatan telah berjaya memperolehi kutipan hasil melebihi 100% bagi tempoh 2 tahun berturut-turut pada tahun 2014 dan tahun 2015.



Jabatan Perhutanan Negeri Perak juga telah menerima pensijilan tahap CEMERLANG bagi Pengurusan Kewangan Jabatan Kategori Kecil dan telah mematuhi panduan pengguna eSPKB dan semua peraturan yang berkuatkuasa melalui naziran yang telah dilaksanakan pada tahun 2015 daripada Jabatan Akauntan Negara bagi pengurusan Kewangan.

■ PERANCANGAN DAN PENGURUSAN HUTAN

OPERASI HUTAN

Sumber hutan Negeri Perak telah diurus dengan teliti dan sistemik bagi menjamin kelangsungan perolehan berkekalan dengan memelihara aspek ekologi, alam sekitar dan sumber biodiversiti. Bermula tahun 1996, pengemaskinian telah dilaksanakan dengan mempraktikan amalan pengurusan hutan secara berkekalan (Sustainable Forest Management, SFM) disebabkan kadar permintaan pasaran. Melalui SFM, HSK telah diurus melalui dua giliran tebangan iaitu 55 tahun dan 30 tahun.

Namun begitu sejak akhir ini, kebanyakan kawasan HSK diurus melalui Sistem Tebangan Memilih (Selective Management System, SMS) dengan pusingan tebangan selama 30 tahun. Sistem Pengurusan Memilih melibatkan penetapan pemilihan regim pengurusan yang optimum. Di bawah sistem ini tebangan pokok dari kumpulan Dipterokarpa hanya dibenarkan dari saiz 50 cm dbh ke atas dan bagi jenis komersial lain hanya dibenarkan dari saiz 45 cm dbh ke atas. Amalan Pengurusan Memilih membolehkan pengeluaran kayu-kayan secara berkekalan dengan kos pembangunan yang minimum di samping mengoptimumkan pengusahaan hutan. Had Batas Tebangan akan ditentukan berdasarkan keputusan analisa Inventori Hutan Sebelum Tebangan. Turut operasi Sistem Pengurusan Memilih adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.

Tahun	Operasi
n-2 hingga n-1	Inventori Hutan Sebelum Tebangan berintensiti 10.0% menggunakan Systematic Line Plots untuk menentukan Had Batas Tebangan.
n-1 hingga n	Penandaan Pokok dan menentukan arah tebangan bagi pokok untuk diusahasil. Penandaan Pokok juga dilaksanakan bagi pokok-pokok untuk dirian tinggal, Pokok Perlindungan dan Pokok Ibu,
n	Penebangan pokok sebagaimana yang ditentukan / disyaratkan
n+1/4 hingga	Bancian untuk menentukan denda
n+1/2	ke atas pokok yang tidak di tebang dan kerosakan ke atas dirian tinggal serta royalti ke atas balak pendek dan balak kecil yang tidak dikeluarkan.
n+2 hingga	Inventori Hutan Selepas Tebangan
n+5	berintensiti 10.0% menggunakan Systematic Line Plots untuk menentukan stok dirian tinggal dan rawatan yang sesuai.
n+7	T1 (Rawatan lanjutan) dijalankan
n+10	Inventori hutan dijalankan untuk menentukan status pemulihan


PROGRAM PENGURUSAN SUMBER HUTAN

i) Mencuci dan Menanda Sempadan Luar Hutan Simpanan Kekal

Projek ini dilaksanakan dengan tujuan memastikan kedudukan sebenar dan kejelasan sempadan Hutan Simpanan Kekal (HSK) menerusi penandaan dan pembersihan sempadan yang dijalankan sekurang-kurangnya sekali setiap lima (5) tahun. Kedudukan sempadan yang jelas dan tepat dapat diurus dan dibangunkan secara berkekalan di samping mengelak aktiviti pencerobohan hutan dan penerokaan secara haram. Program ini melibatkan komponen pengukuran dan menanda sempadan baru, pembersihan sempadan lama HSK, menyediakan Pelan Ukur Sempadan HSK dan pembelian serta pemasangan papan tanda HSK.

Pada tahun 2015, sejumlah RM 930,000.00 telah diterima di bawah Peruntukan Pembangunan Negeri (P07). RM 929,827.07 telah dibelanja untuk mencuci dan menanda Sempadan Luar Hutan Simpanan Kekal sejauh 289.27 km melibatkan sembilan (9) Hutan Simpan. Manakala aktiviti menanda dan mengukur oleh Jurukur Berlesen melibatkan tiga (3) Hutan Simpan dengan jarak 93.05 km.





ii) Inventori Hutan Sebelum Tebangan (Pre-F)

Jabatan Perhutanan bertanggungjawab merealisasikan pengurusan hutan secara berkekalan untuk faedah sosial, ekonomi dan alam sekitar. Bagi mencapai objektif berkenaan adalah penting mempunyai maklumat berkaitan kandungan isi hutan secara menyeluruh yang tepat seperti kedudukan stok, keadaan dan taburan pokok besar, kayu jaras, anak pokok dan anak benih agar aktiviti pengurusan yang berkekalan dan penghasilan dapat dirancang dan dilaksanakan dengan baik. Di samping itu, melalui maklumat berkenaan Had Batas Tebangan (HBT) yang optimum dapat ditentukan dengan tepat.

Seluas 6,147 hektar iaitu merangkumi 19 kompartmen telah berjaya dijalankan Pre-F pada tahun 2015 melibatkan perbelanjaan berjumlah RM 482,521.30.

iii) Pemuliharaan Hutan Bernilai Tinggi (HCVFs)

Projek ini dijalankan dengan tujuan memelihara dan mengekalkan kawasan dan isi hutan yang mempunyai ciri-ciri menarik dan unik serta bernilai tinggi bagi kepelbagaiannya biologi meliputi komposisi tumbuhan flora. Kawasan HCVFs boleh merupakan sebahagian kecil daripada seluruh hutan. Mula diperkenalkan pada tahun 1999 bagi memenuhi keperluan prinsip MC&I (2002) bagi membuktikan pengurusan hutan secara berkekalan dengan pembalakan berimpak rendah. Sehingga tahun 2011 Negeri Perak telah menubuahkan sebanyak 7 petak HCVFs merangkumi kawasan Pakma, Sira Jenut, Tapak Perkuburan Pra-Sejarah, Balau Putih (*Shorea Lumutensis*), dan Daun Sang (*Johannesteijsmannia Perakensis*)

Dengan peruntukan berjumlah RM 100,000.00, dua (2) Petak HCVFs baru telah berjaya ditubuh iaitu Petak Keruing Paya (*Dipterocarpus coriaceus*) dalam kompartmen 51 & 52 Hutan Simpan Chikus, Daerah Perak Selatan dan Petak Berus Mata Buaya (*Bruguiera hainesii*) dalam Kompartmen 18A Hutan Simpan Pulau Kecil, Daerah Larut & Matang serta penyelenggaraan Petak Daun Sang. Ketiga-tiga aktiviti berkenaan telah menelan belanja sebanyak RM 40,000.00 manakala baki RM 60,000.00 digunakan untuk Penyediaan Preliminary Report Rancangan Pengurusan Hutan 2016 – 2025.

iv) Hutan Simpanan Hutan Dara (VJR)

Hutan Simpanan Kekal perlu diklasifikasikan mengikut fungsi seperti yang dikehendaki di bawah Seksyen 10 (1) Akta Perhutanan Negara, 1984. salah satu dari kelas fungsi berkenaan adalah Hutan Simpanan Hutan Dara. Maka, pelaksanaan projek ini adalah untuk menggambarkan jenis – jenis hutan yang terdapat di Negeri Perak.

Penubuhan Hutan Simpanan Hutan Dara berfungsi mengekalkan khazanah hutan secara semulajadi tanpa ancaman terhadapnya. Dengan penubuhan ini dapat memelihara habitat flora dan fauna sekaligus menjamin kelangsungan sumber genetik flora dan fauna serta mikro organisma di samping dapat menyediakan kawasan penyelidikan perhutanan merangkumi segala isi hutan.

Sebanyak RM 99,992.36 daripada RM 100,000.00 telah dibelanjakan untuk menjalankan projek bancian dan penandaan sempada VJR.

v) Program IT dan K-Perhutanan

Pembangunan Sistem Hasil

Projek Pembangunan Sistem Hasil Perhutanan dijalankan dengan tujuan untuk meningkatkan perkhidmatan sistem teknologi maklumat di jabatan ini dengan membangunkan laman web yang bermaklumat dan dapat dicapai oleh kakitangan dan orang awam.

Sebanyak RM 45,510.00 daripada peruntukan RM 100,000.00 telah digunakan untuk membeli server antivirus, KVM Switch (heavy duty), door access, time attendant, pemasangan switch 24 port 10/100 dan pembelian 1 unit smart managed 1 layer switch.

Peningkatan Sistem GIS

Projek Peningkatan Sistem GIS pula bertujuan memantapkan penggunaan sistem GIS agar seiring dengan langkah kerajaan menggunakan teknologi bagi memudahkan dan mempercepatkan kerja sehari-hari.

Sebanyak RM 35,000.00 telah diperuntukan untuk tujuan pemasangan IP CAM (CCTV) dan mengkonfigurasi sistem back up data.

SILVIKULTUR DAN PERLINDUNGAN

PERHUTANAN MASYARAKAT

Program Perhutanan Masyarakat dilaksanakan bagi memberi kefahaman kepada masyarakat berkaitan kepentingan hutan dan sumbernya. Program ini juga dilaksanakan sebagai salah satu komitmen yang tunjukkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK) dalam membentuk serta memupuk sifat cintai terhadap alam sekitar kepada orang awam. Di bawah program ini, Projek Tanaman dan Rawatan Hutan Perkampungan serta Bekalan Anak Benih telah dilaksanakan sepanjang tahun 2015.

Tanaman Dan Rawatan Hutan Perkampungan

Projek Tanaman Dan Rawatan Hutan Perkampungan merupakan sebuah projek yang melaksanakan aktiviti penanaman dan rawatan bagi memulihkan dan mengayakan semula kawasan hutan. Ianya dilaksanakan di kawasan hutan simpan yang lokasinya hampir dengan kawasan penempatan atau perkampungan dan aktiviti ini melibatkan penduduk tempatan, pelajar sekolah dan agensi-agensi luar. Objektif utama dalam aktiviti ini adalah untuk mendidik masyarakat setempat mengenai kepentingan menjaga kelestarian hutan asli yang dimiliki oleh negara. Pada tahun 2015, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah membelanjakan sejumlah RM 48,364.50 berbanding RM 50,000.00 yang telah diperuntukkan untuk menjalankan projek Hutan Perkampungan dengan sasaran matlamatnya seluas 20 hektar kawasan hutan simpan.

Bekalan Anak Benih

Projek bekalan anak benih dilaksanakan bagi menyediakan bekalan anak benih yang mencukupi untuk projek-projek yang dilaksanakan oleh pihak Jabatan. Pada tahun 2015, pihak Jabatan telah membelanjakan sejumlah RM 126,440.00 dengan matlamat bekalan 20,000 anak pokok bagi memenuhi keperluan anak benih yang bermutu tinggi untuk ditanam di dalam kawasan pengusahaan dan bagi memenuhi permintaan daripada agensi-agensi tertentu yang berminat untuk melaksanakan program penanaman pokok di persekitaran mereka. Antara agensi yang telah membuat permohonan untuk mendapatkan bekalan anak pokok adalah seperti pihak sekolah, agensi kerajaan seperti pasukan Tentera Laut Diraja Malaysia, Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah (KUISAS) dan lain-lain agensi.

PROGRAM PEMBANGUNAN HUTAN ASLI

Program Pembangunan Hutan Asli merupakan program yang diwujudkan untuk memulih dan meningkatkan produktiviti kawasan Hutan Simpan Kekal supaya pengeluaran kayu-kayang dan lain-lain keluaran hutan dapat dipertingkatkan. Di bawah projek Pembangunan Hutan Asli ini, beberapa projek-projek pembangunan hutan dilaksanakan iaitu Projek Tanaman Bakau



dan Spesies-Spesies yang Sesuai di Persisiran Pantai, Penubuhan Arboretum Perhutanan, Simpanan Hutan Dara (VJR), Inventori Hutan Selepas Tebangan (Post-F), Memotong Akar Pepanjat, Tanaman dan Rawatan Mengaya, Tanaman dan Rawatan Bakau, Pemulihan Kawasan Terosot serta Pembangunan Tapak Semaihan.

Tanaman Bakau Dan Spesies Yang Sesuai Di Persisiran Pantai

Projek Tanaman Bakau dan Spesies Yang Sesuai Di Persisiran Pantai ini dilaksanakan bertujuan untuk mengurangkan impak hakisan pantai dan sebagai salah satu langkah mengurangkan kelajuan tiupan angin ke kawasan-kawasan penempatan sekitar pesisiran pantai selain sebagai salah satu kaedah menghijaukan semula kawasan Hutan Pesisiran Pantai Negeri. Projek ini telah dimulakan semenjak tahun 2005, sebagai salah satu tindakan proaktif daripada Kerajaan Pusat untuk mengurangkan impak kejadian tsunami yang berlaku pada tahun 2004. Bagi Projek Tanaman Persisiran Pantai Negara, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah menerima peruntukan berjumlah RM 90,000.00 daripada Peruntukan Persekutuan (P23) bagi melaksanakan kerja-kerja tanaman, rawatan pokok bakau dan spesies-spesies yang sesuai di pesisiran pantai yang terdapat di negeri Perak. Lokasi yang menjadi sasaran utama pihak jabatan adalah di kawasan Mukim Lekir, Sitiawan dan kawasan sekitarnya. Selain tanaman bakau, spesies yang ditanam turut melibatkan tanaman Rhu. Pada tahun 2015, pihak jabatan telah berjaya menggunakan keseluruhan peruntukan yang diberikan untuk kerja-kerja tanaman, rawatan dan kempen-kempen kesedaran yang telah dilancarkan.

Penubuhan Arboretum Perhutanan

Projek Penubuhan Arboretum Perhutanan adalah bertujuan untuk memelihara khazanah alam yang merangkumi semua kepelbagaiannya biologi alam terutamanya spesies pokok hutan yang terdapat dalam kawasan hutan asli. Pada tahun 2015, Jabatan telah memperuntukkan sejumlah RM 100,000.00 bagi projek Penubuhan Arboretum Perhutanan dengan matlamat 1 buah arboretum ditetapkan. Daripada jumlah diperuntukkan itu, sejumlah RM 70,856.00 telah dibelanjakan untuk kerja-kerja penubuhan pelan konsep arboretum di HS Pulau Pangkor dan kerja-kerja penubuhan plot tanaman pokok-pokok dari spesies terancam di dalam kawasan Taman Rimba Kledang Saiong, Daerah Kinta/Manjung.

Inventori Hutan Selepas Tebangan (Post-F)

Inventori Hutan Selepas Tebangan (Post-F) dilaksanakan setelah dua (2) hingga lima (5) tahun selepas sesebuah kompartmen itu diusahasil. Ianya bertujuan untuk menilai dirian tinggal bagi kawasan yang telah diusahasil untuk mendapatkan maklumat tepat mengenai kewujudan tumbuhan seperti rotan, buluh, pepanjat, bertam dan tumbuhan-tumbuhan lain dalam sesebuah kompartmen agar rawatan yang sesuai dapat dilaksanakan bagi meningkatkan nilai dirian hutan tersebut. Selain itu, fisiografi hutan seperti ketinggian, kecuraman, jenis tanah, ekologi dan kewujudan sungai dalam kawasan tersebut juga dinilai bagi mengelakkan kesan buruk kepada alam sekitar seperti pencemaran sumber air, banjir lumpur dan lain-lain impak negatif. Pada tahun 2015, sebanyak RM800,000.00 telah diperuntukan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak untuk melaksanakan aktiviti Post-F dan perlaksanaan aktiviti Post-F ini telah dilaksanakan di kawasan seluas 6,992.7 hektar. Maklumat keluasan kawasan Inventori Hutan Selepas Tebangan (Post-F) Negeri Perak Darul Ridzuan bagi tempoh 15 tahun terakhir adalah seperti Jadual 1.

Tahun	Luas
2000	10,123.20
2001	6,577.60
2002	9,822.68
2003	7,711.50
2004	9,740.27
2005	9,021.00
2006	10,193.30
2007	5,398.90
2008	9,624.50
2009	5,060.65
2010	2,990.00
2011	1,820.00
2012	4,325.20
2013	6,053.50
2014	4,264.00
2015	6,992.7
Jumlah	109,719.00

Memotong Akar Pepanjat (CL)

Aktiviti Memotong Akar/Pepanjat (CL) dan Memotong Bertam adalah suatu bentuk rawatan pemuliharan hutan untuk memberi pertolongan kepada dirian tinggal selepas pembalakan dijalankan. Rawatan ini dilaksanakan selepas aktiviti Inventori Hutan Selepas Tebangan (Post-F) dilaksanakan tidak lewat daripada lima (5) tahun selepas pengusahaannya dilaksanakan. Ia melibatkan aktiviti memotong akar/pepanjat yang mengganggu tumbesaran dirian tinggal dan pemusnahan bertam yang menghalang taburan biji benih ke lantai hutan dan mengganggu tumbesaran anak benih. Pada Tahun 2015, sejumlah RM 150,000.00 telah diperuntukkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak kepada unit ini bagi tujuan perlaksanaan aktiviti CL dan jumlah peruntukan tersebut telah berjaya digunakan sepenuhnya dalam mencapai matlamat fizikal yang telah ditetapkan.

Tanaman Dan Rawatan Mengaya (TM)

Aktiviti Tanaman Mengaya (TM) dijalankan untuk membantu memuliharkan isi kandungan hutan miskin supaya mencapai tahap yang dikehendaki terutama dari segi komposisi hutan iaitu spesies-spesies yang mempunyai nilai pasaran dan berkualiti selain mengikut kesesuaian tanah. Selain itu, ia dilaksanakan di kawasan lapang supaya kawasan tersebut kembali berhutan dengan spesies-spesies yang mempunyai nilai pasaran dan berkualiti dan mampu memberikan hasil. Antara kawasan lapang yang biasanya dilaksanakan adalah bekas matau, bekas tapak kongsi, lorong penari dan di kawasan tanaman pindah. Pada Tahun 2015, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah mensasarkan perlaksanaan sejumlah 100 hektar keluasan bagi melaksanakan aktiviti tanaman dan rawatan mengaya dengan peruntukan RM 150,000.00. Daripada sasaran tersebut hanya sejumlah 90.00 hektar yang berjaya dicapai oleh pihak jabatan sehingga akhir tahun 2015.

Tanaman Dan Rawatan Bakau

Projek Tanaman dan Rawatan Bakau melibatkan projek-projek seperti penanaman semula kawasan Hutan Paya Laut yang telah diusahasil. Antara kawasan yang terlibat dengan projek Tanaman dan Rawatan Bakau secara umumnya terletak di Daerah Larut dan Matang, antaranya adalah sekitar HS Pulau Selinsing, HS Trong, HS Sungai Temerlok, HS Pulau Pasir Hitam, HS Jebong dan HS Pulau Sangga Besar. Pada tahun 2015, projek ini telah diperuntukkan sebanyak RM 900,000.00 daripada peruntukan Pembangunan Negeri (P07). Matlamat fizikal yang telah ditetapkan di peringkat Jabatan adalah sebanyak 400 hektar, namun pihak Jabatan telah berjaya melaksanakan sejumlah 437.0 hektar bagi aktiviti Tanaman dan Rawatan Bakau mencecah 109.25% dari matlamat asal yang ditetapkan.

Pemuliharaan Kawasan Terosot

Projek Pemuliharaan Kawasan Terosot melibatkan aktiviti penanaman semula kawasan-kawasan yang dianggap miskin tetapi berpotensi untuk dipuliharkan untuk menjadi kawasan hutan yang mampu memberikan



hasil di masa akan datang. Antara kawasan-kawasan yang dikelaskan sebagai terosot adalah kawasan Hutan Simpanan Kekal yang telah diteroka oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab atau masyarakat tempatan atau kejadian bencana alam yang memusnahkan dirian sedia ada seperti kejadian kebakaran hutan atau kawasan hutan yang mengalami kemerosotan disebabkan oleh kerja-kerja pembangunan yang dilaksanakan di sekitarnya. Pada Tahun 2015, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah memperuntukkan sejumlah RM 100,000.00 untuk projek-projek pemulihan kawasan terosot di seluruh Negeri Perak. Matlamat fizikal yang telah ditetapkan adalah 20 hektar, namun, pihak Jabatan telah berjaya melaksanakan projek pemulihan kawasan terosot seluas 18.8 hektar kawasan hutan.

Pembangunan Tapak Semaian

Pada Tahun 2015, Jabatan Perhutanan Negeri Perak melalui projek Pembangunan Tapak Semaian telah membelanjakan sejumlah 92.45% daripada keseluruhan peruntukan berjumlah RM 270,000.00 untuk tujuan pembangunan tapak semaian. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah penyelenggaraan infrastruktur sedia ada dan penambahbaikan kemudahan dan peralatan dan kelengkapan yang terdapat di tapak semaian untuk memastikan kelancaran operasinya.

EKO PELANCONGAN DAN HUTAN LIPUR

Hutan Bandar

Pelaksanaan projek Hutan Bandar ini adalah bertujuan untuk memberi kehijauan, keselesaan, keindahan serta mengimbangi impak pembangunan fizikal kawasan sekitar dengan melibatkan agensi-agensi luar atau lebih dikenali sebagai program Corporate Social

Responsibility yang biasanya dilaksanakan oleh agensi korporat dengan orang awam. Ianya juga sebagai salah satu pendekatan yang diambil oleh pihak jabatan bagi mendekatkan orang awam dan jabatan selain sebagai salah satu kaedah mendidik masyarakat untuk menyayangi dan memelihara kehijauan hutan. Antara aktiviti di bawah program ini adalah penanaman pokok di kawasan perbandaran. Pada Tahun 2015, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah membelanjakan RM 97,482.16 daripada peruntukan keseluruhan yang telah diberikan dan berjaya melaksanakan lebih daripada satu program perhutanan sosial yang merupakan matlamat fizikal jabatan.




■ OPERASI DAN PENGUATKUASAAN

PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG


Pada tahun 2015 sebanyak 27 kes kesalahan hutan telah dikesan termasuk 2 daripadanya adalah kes pembalakan haram. Tindakan seperti yang diperuntukan di bawah Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 dan Enakmen Industri Berasas Kayu 1987 telah diambil bagi memastikan kes kesalahan hutan seumpama ini dapat dikurangkan dan seterusnya tidak berulang pada masa akan datang.

Carta 1: Trend Kes-Kes Kesalahan Hutan Dan Pembalakan Haram Bagi Tahun 2015



Berhubung perkara ini juga, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah mengutip bayaran kompaun dan gantirugi sebanyak RM 606,975.93 bagi tahun 2015. Pecahan kutipan bayaran kompaun dan gantirugi pada tahun 2015 adalah seperti yang ditunjukkan dalam carta 2

Rajah 10 : Pecahan Kutipan Kompaun Dan Gantirugi Kes Kesalahan Hutan Bagi Tahun 2015



INDUSTRI DAN PENGUSAHASILAN

PENGUSAHASILAN HUTAN

Hutan Darat Mengikut Jenis Tanah Hutan

Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) telah meluluskan Catuan Tebangan Tahunan (CTT) seluas 34,950.0 hektar dalam jangka masa lima (5) tahun bermula dari tahun 2011 hingga 2015. Daripada jumlah tersebut, CTT seluas 6,990 hektar setahun telah diperuntukkan. Namun, baki peruntukan pada tahun 2015 (tahun akhir RMK-10) hanyalah 4,563 hektar seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 : Pengusahahsilan Hutan Darat Mengikut Jenis Tanah Hutan Bagi Tahun 2015


		Hutan Simpan Kekal (HSK)				Tanah Kerajaan	Tanah Berimilik	Jumlah Kawasan dibuka untuk pengusahahsilan
Catuan Tebangan Tahunan	Tujuan Pembangunan	Ladang Hutan	Lain-Lain	Jumlah				
Diluluskan	Tebangan Diusahasilkan							
4,563.0 ha	4,559.0 ha	666.0 ha	800	-	6,025.0 ha	1303.41ha	1,721.2929 ha	9,049.7029ha

Pengeluaran Kayu Balak Mengikut Jenis Kayu

Pengeluaran kayu balak di Negeri Perak Darul Ridzuan bagi tahun 2015 adalah berjumlah 444,347.30 m³ yang terdiri dari kumpulan jenis Kayu Keras Berat (KKB), Kayu Keras Sederhana (KKS), Kayu Keras Ringan (KKR) dan Lain-Lain Jenis (LLJ) seperti ditunjukkan dalam Jadual 2 dan Carta 1.

Jadual 2 : Pengeluaran Kayu Balak Tahun 2015

Bil.	Kumpulan Jenis Kayu	Pengeluaran (m ³)	Peratus (%)*)
1.	Kayu Keras Berat (KKB)	52,116.11	11.73%
2.	Kayu Keras Sederhana (KKS)	125,799.82	28.31%
3.	Kayu Keras Ringan (KKR)	266,431.37	59.96%
4.	Lain-Lain Jenis (LLJ)	-	-
JUMLAH KESELURUHAN		444,347.30	100%



Pengusahahsilan Hutan Paya Laut

Jadual 3 : Maklumat Lesen Pengusahahsilan Yang Dikeluarkan Oleh Hutan Paya Laut Setiap Suku Tahun 2015 bagi KUP Arang Kayu (KAK)

Bil.	Suku Tahun	Bilangan Lesen	Keluasan (Ha)
1.	Pertama	23	165.0
2.	Kedua	30	215.6
3.	Ketiga	22	176.0
4.	Keempat	38	297.0
	Jumlah	113	853.60
*Jumlah Hasil (RM)			RM 1,226,906.08

*Jumlah cukai dan ses

Jadual 4 : Maklumat Lesen Pengusahahsilan Yang Dikeluarkan Oleh Hutan Paya Laut Setiap Suku Tahun 2015 bagi KUP Kayu Jaras (KKJ)

Bil.	Suku Tahun	Bilangan Lesen	Keluasan (Ha)
1.	Pertama	19	396.0
2.	Kedua	17	311.0
3.	Ketiga	24	444.0
4.	Keempat	17	337.0
	Jumlah	77	1,488.0
*Jumlah Hasil (RM)			RM650,969.32

*Jumlah cukai dan ses

INDUSTRI BERASAS KAYU

Bilangan Kilang Dalam Industri Berasas Kayu

Bilangan kilang di bawah Industri Berasas Kayu Terpilih yang dilesenkan (berdaftar) di Negeri Perak Darul Ridzuan dalam Tahun 2015 adalah 702 buah. Keterangan lanjut mengenai perkara ini seperti dinyatakan dalam Jadual 5

Jadual 5: Bilangan Kilang dalam Industri Berasas Kayu Terpilih Tahun 2015

Bil. Jenis Kilang	Bilangan		Peratus (%) [*]
	Lesen	Beroperasi	
1. Kilang Papan (KP)	97	78	80.41
2. Kilang Kayu Kumai (KU)	4	4	100.0
3. Kilang Papan Lapis (PL)	12	7	58.33
4. Kilang Perabot (PE)	379	326	86.02
5. Loji Pengawetan (LP)	40	28	70.00
6. Loji Tanur Pengering (TP)	27	21	77.78
7. Kilang Buluh (BU)	22	6	27.27
8. Kilang Rotan (RO)	6	3	50.00
9. Tanur Arang (TA)	112	112	100.0
10. Loji Tepung Kayu (TK)	1	1	100.0
11. Kilang Cebis Kayu (CK)	2	2	100.0
JUMLAH	702	588	83.76

* Jumlah Kilang Beroperasi Berbanding Jumlah Lesen Dikeluarkan

Penggunaan Kayu Balak dan Kayu Gergaji oleh Industri Berasas Kayu

Penggunaan (kemasukan) kayu balak oleh Kilang Papan adalah 520,643.52m³ dengan pengeluaran 444,347.30m³ (85%), Penggunaan (kemasukan) kayu balak oleh Kilang Papan Lapis/Venir adalah 83,139.52m³ dengan pengeluaran 73,715.07m³ (87%), manakala penggunaan (kemasukan) kayu gergaji ke Kilang Kayu Kumai adalah 7,671.57m³ dengan pengeluaran 6,928.20m³ (90%). Keterangan lanjut mengenai perkara ini adalah seperti dinyatakan dalam Jadual 6.

Jadual 6: Penggunaan Kayu Balak dan Kayu Gergaji oleh Industri Berasas Kayu Terpilih dan Pengeluaran Tahun 2015

Bil.	Jenis Kilang	Penggunaan (m ³)	Pengeluaran (m ³)	Peratus *(%)
1.	Kilang Papan	520,643.52	444,347.30	85.35
2.	Kilang Papan Lapis/Venir	83,139.52	73,715.07	88.66
3.	Kilang Kayu Kumai	7,671.57	6,928.20	90.31
JUMLAH		556,397.29	504,888.38	90.74

*Peratus pengeluaran berbanding penggunaan

Pekerja Upahan dalam Industri Berasas Kayu dan Industri Pembalakan

Di samping itu, bilangan pekerja diupah dalam Industri Berasas Kayu Terpilih di Negeri Perak Darul Ridzuan bagi Tahun 2015 adalah berjumlah 2,388 orang. Keterangan lanjut mengenai perkara ini seperti ditunjukkan dalam Jadual 7.

Jadual 7: Gunatenaga dalam Industri Berasas Kayu Terpilih di Negeri Perak Darul Ridzuan bagi tahun 2015

Jenis Kilang	Pembalakan			Kilang Papan			Kilang Papan Lapis			Kilang Kayu Kumai			Jumlah Besar
	BP	BBP & BW	JUMLAH	BP	BBP & BW	JUMLAH	BP	BBP & BW	JUMLAH	BP	BBP & BW	JUMLAH	
PEKERJA	960	509	1,469	782	1,161	1,943	960	71	338	56	53	109	3,859



HUTAN LIPUR

PROGRAM EKO PELANCONGAN DAN HUTAN LIPUR

Hutan Lipur didefinisikan sebagai kawasan dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang digunakan bagi tujuan menjalankan aktiviti-aktiviti rekreasi seperti beristirehat, bersukan, penyelidikan, pendidikan serta pemeliharaan flora dan fauna. Peranan Hutan Lipur dalam menyediakan tempat yang sesuai untuk riadah dan istirehat menjadi semakin penting di Negara ini ekoran kesedaran orang ramai terhadap kepentingan serta faedah alam sekitar. Hutan Lipur merupakan salah satu daripada 11 Fungsi Hutan di bawah Seksyen 10(1) Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985.

Sejumlah 16 buah Hutan Lipur telah ditubuhkan di dalam Hutan Simpanan Kekal Negeri Perak bermula tahun 1979. Kedudukan setiap Hutan Lipur sebagaimana ditunjukkan dalam Pelan A. Pada tahun 2015, seramai 399,975 orang telah mengunjungi Hutan Lipur Negeri Perak. Maklumat terperinci setiap Hutan Lipur seperti berikut:

Jadual 5 : Hutan Lipur Negeri Perak Darul Ridzuan.

Bil	Nama Hutan Lipur	Tahun Penubuhan	Daerah Pentadbiran Hutan	Luas Pembangunan (Ha)
1.	Lata Iskandar	1979	Perak Selatan	15.0
2.	Bukit Larut	1979	Larut & Matang	15.0
3.	Kuala Woh	1983	Perak Selatan	45.0
4.	Ulu Kinta	1987	Kinta / Manjung	15.0
5.	Taman Eko-Rimba Lata Kinjang	1989	Perak Selatan	20.0
6.	Ulu Kenas	1990	Kuala Kangsar	20.0
7.	Lata Kekabu	1990	Hulu Perak	10.0
8.	Papan	1992	Kinta / Manjung	10.0
9.	Pulau Pangkor	1992	Kinta / Manjung	20.0
10.	Pasir Panjang	1996	Kinta / Manjung	15.0
11.	Tali Kail	1997	Hulu Perak	263.0
12.	Sungai Salu	1998	Kinta / Manjung	10.0
13.	Sungai Nyior	1998	Larut & Matang	10.0
14.	Pusat Eko-Pelajaran Hutan Paya Laut Matang	2004	Larut & Matang	15.0
15.	Ulu Licin	2006	Kinta / Manjung	30.0
16.	Taman Rimba Kledang Saiong	2010	Kinta / Manjung	20.0

Pada tahun 2015, Unit Hutan Lipur telah menerima sebanyak RM 1,850,000.00 di bawah Peruntukan Pembangunan Negeri (P07) bagi Program Eko Pelancongan dan Hutan Lipur Projek Penubuhan & Penyelenggaraan Hutan Lipur. Projek ini bertujuan membangunkan Hutan Lipur dan penyelenggaraan kemudahan untuk keselesaan pengguna. Disebabkan tiada penubuhan Hutan Lipur baru keseluruhan peruntukan dibelanjakan untuk pembersihan kawasan Hutan Lipur, penyelenggaraan kemudahan Hutan Lipur, pembinaan jalan dan dataran di Taman Rimba Kledang Saiong, membina dan menyiapkan sebuah dormitori berserta tandas di Hutan Lipur



Ulu Kenas, membekal pokok Nepenthes bagi Taman Nepenthes, membaikpulih jambatan kayu di Hutan Lipur Sg. Nyior, membaikpulih wakaf, pendawaian baru di Dewan Terbuka dan Stor di Hutan Lipur Kaki Bukit Larut, menaiktaraf wakaf, pelantar rehat, boardwalk, chalet, dewan dan rumah panjang di Hutan Lipur Pulau Tali Kail, membina pondok pengawal, pagar, setor, dinding batu, boom gate elektrik termasuk papan tanda gerbang di Hutan Lipur Pasir Panjang dan kerja-kerja pengurusan pokok bahaya.

Melalui Peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH), sebanyak RM 900,000.00 telah diterima untuk empat (4) projek iaitu Projek Menaiktaraf dan

Penyelenggaraan Hutan Lipur, Projek Pembangunan Prasarana & Pemprograman Rekreasi di Taman Rimba Kledang Saiong, Projek Sistem Amaran Kepala Air dan Penyediaan Pelan Induk Pembangunan Hutan Lipur. Peruntukan tersebut telah dimanfaatkan bagi menjalankan membangunkan lanskap untuk Taman Nepenthes Kledang Saiong dan menyelenggara Sistem Amaran Kepala Air sedia ada serta memasang Sistem Amaran Kepala Air di Hutan Lipur Lata Kekabu, Daerah Hulu Perak.

PROGRAM PUBLISITI, LATIHAN DAN PENGEMBANGAN

PROJEK : RISALAH PERHUTANAN & LAIN-LAIN PENERBITAN

Penyebaran maklumat melalui risalah penerangan mengenai pelbagai aspek dalam bidang perhutanan amatlah penting bagi mendidik dan meningkatkan pengetahuan di kalangan masyarakat dan pelajar. Bagi melaksanakan tujuan tersebut sebanyak RM 130,000.00 telah diterima di bawah Peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWP). Antara risalah yang telah diterbitkan adalah mencetak Laporan Tahunan 2014, mencetak poster-poster bagi tujuan pameran, mencetak brosur hutan Lipur, mencetak tiket masuk dan tiket parker kenderaan di Hutan Lipur Negeri Perak, serta Coffee Table Book berkaitan perhutanan.

PROJEK : PAMERAN PERHUTANAN

Dalam usaha untuk mengembangkan ilmu perhutanan kepada masyarakat, pihak jabatan mengambil inisiatif mengadakan pameran perhutanan dengan tujuan memberi maklumat kepada masyarakat berkaitan fungsi dan peranan jabatan perhutanan dalam mengurus dan memelihara hutan asli dan sumbangan bidang perhutanan kepada pembangunan ekonomi negeri dan negara. Sepanjang tahun 2015, sebanyak 12 pameran telah diadakan seperti mana di Jadual berikut:

- 1 Pameran Sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Perak
- 2 Pameran Sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2015
- 3 Pameran Pendidikan dan Pertandingan Guru Inovatif Peringkat Negeri Perak Sempena Sambutan Hari Guru Tahun 2015
- 4 Pameran Sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Terengganu Tahun 2015
- 5 Pameran Program Perhutanan Sosial dan Gotong-royong Perdana Jabatan Perhutanan Negeri Perak Bersama Kolej Islam Sultan Azlan Shah
- 6 Pameran Kelestarian Warisan Alam di Tapak Rekreasi Batu Ampar Padang Rengas Perak
- 7 Pameran Karnival Hari Keluarga Komuniti 1 Malaysia
- 8 Pameran Program Kesedaran Kepentingan Perhutanan Sempena Karnival pendidikan Kelestarian Alam Sekitar Tahun 2015
- 9 Pameran di 'Kem & Karnival Alam Sekitar GRM 2015' (Green Ranjer Malaysia) Peringkat Kebangsaan bersempena sambutan minggu alam sekitar Malaysia
- 10 Pameran Jabatan Sempena Program Eksplorasi Sehati Sejiwa 2015
- 11 Pameran Sempena Perasmian Viaduct dan Tapak Projek Tropical Rainforest Living Collection Banun, Hutan Simpan Amanjaya, Gerik
- 12 Program Perhutanan Sosial Peringkat Daerah Perak Selatan

Peruntukan sebanyak RM 370,000.00 yang diterima dan dibelanjakan untuk sewaan booth, pembelian barang pameran dan penghasilan backdrop. Selain itu, peruntukan tersebut turut digunakan bagi menjayakan program perhutanan seperti Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Perak Tahun 2015 dan Perasmian Viaduct dan Tapak Projek Tropical Rainforest Living Collection Banun, Hutan Simpan Amanjaya, Gerik



KEJURUTERAAN HUTAN

PROGRAM PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR & KEMUDAHAN BAGI TAHUN 2015

Program pembangunan infrastruktur yang dilaksanakan di bawah program ini dalam tahun 2015 adalah seperti berikut :

1. PENYELENGGARAAN / NAIKTARAF BANGUNAN PEJABAT & KUARTERS

Pada tahun 2015, sejumlah RM 1.8 juta telah diperuntukkan untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan naiktaraf bangunan pejabat dan kuarters bagi Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Pejabat Hutan Daerah serta Pejabat Renjer yang terlibat di seluruh Perak. Bangunan pejabat dan kuarters jabatan yang dibina di setiap daerah adalah merupakan aset jabatan yang perlu dijaga dan dinaiktaraf bagi memastikan keadaan kuarters terjaga dan dalam keadaan baik serta sempurna. Selain dari itu, keadaan kuarters yang bersih, selamat dan selesa untuk diduduki boleh meningkatkan produktiviti serta prestasi kerja kakitangan jabatan.

Kerja-kerja yang dijalankan adalah meliputi penyelenggaraan am dan pendawaian semula. Ini adalah untuk memastikan tahap keselesaan dan keselamatan penghuninya sentiasa terjamin. Sepanjang tahun 2015, sebanyak RM 1,365,902.62 (75.89%) telah dibelanjakan dalam memastikan keadaan pejabat dan kuarters jabatan berada pada tahap yang baik.

2. PEMBINAAN BARU BANGUNAN PEJABAT / KUARTERS

Di dalam perancangan pembangunan bagi tahun 2015, bagi pembinaan bangunan baru, sejumlah RM 1,250,000.00 telah diperuntukkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak bagi kerja-kerja pembinaan baru bangunan pejabat dan kuarters. Dari jumlah ini sebanyak RM 941,821.64 (75.35%) telah dibelanjakan bagi Membina Pejabat Hutan Daerah Kinta Manjung, Membina Pejabat Renjer Lenggong, Membina Balai Pemeriksa Lasah, Sg. Siput, Membina Culvert Cabin di Segari dan Membina Laluan Pejalan Kaki di Hutan Lipur Kledang Saiong.

3. PEMBINAAN DAN PENYELENGGARAAN JALAN HUTAN

Pembinaan dan penyelenggaraan jalan hutan merupakan salah satu aspek di dalam pengurusan hutan secara mampan yang perlu dititik beratkan bagi mengurangkan risiko kerosakan hutan. Penyelenggaraan jalan hutan bagi tahun 2015 telah diperuntukkan sebanyak RM 100,000.00 dan dari jumlah ini sebanyak RM 89,200.00 (89.20%) telah dibelanjakan. Penyelenggaraan ini adalah penting bagi memastikan jalan hutan dibina mematuhi spesifikasi Garis Panduan Jalan Hutan (GPJH) 2010 di samping dapat mengurangkan kesan hakisan tanah dan dapat melindungi alam sekitar.

PENGEMBANGAN DAN INOVASI


Bagi pelaksanaan Latihan dan Kursus bagi kakitangan beruniform Jabatan Perhutanan Negeri Perak dalam tahun 2015, sebanyak 28 buah kursus telah berjaya dijalankan. Di mana 12 buah kursus adalah kursus tambahan dan 8 buah kursus adalah pecahan bagi Kursus Skim Renjer Hutan. Selain itu, Unit Pengembangan dan Inovasi juga telah berjaya mengadakan 5 buah taklimat/ bengkel/ ceramah kepada kakitangan dan sekaligus menjadikan jumlah kursus, latihan dan taklimat adalah sebanyak 33 buah. Kesemua program yang telah dijalankan adalah menggunakan peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPWH). Jumlah yang dibelanjakan bagi tujuan kursus, latihan dan bengkel adalah RM170,937.32 iaitu 97.12% dari peruntukan yang diperolehi. Jumlah yang dibelanjakan meliputi perbelanjaan untuk menjalankan program-program yang telah dirancang dan juga bayaran untuk kursus dan latihan dari luar yang diterima oleh kakitangan dan pegawai Jabatan.

Selain pengendalian kursus dan latihan, Unit Pengembangan dan Inovasi juga bertanggungjawab untuk menyelaraskan penempatan pelajar-pelajar yang menjalani latihan industri di jabatan ini. Unit ini juga berperanan dalam aktiviti ceramah perhutanan yang disampaikan kepada murid-murid sekolah bersempena penganjuran program-program perhutanan seperti Hari Hutan Antarabangsa, dan sambutan Hari Perhutanan peringkat daerah di Negeri Perak. Ceramah-ceramah diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada umum tentang kepentingan hutan dan alam sekitar dalam kehidupan serta peranan masyarakat terhadap kelangsungan dirian hutan di negara ini. Program berkaitan Pengembangan dan Inovasi Perhutanan memainkan peranan penting dalam menyebarkan maklumat perhutanan kepada masyarakat setempat.

JADUAL 1: Senarai kursus yang telah dijalankan pada tahun 2015

BIL.	NAMA KURSUS	TARIKH	TEMPAT	BIL PESERTA
1	Kursus Asas Fasilitator Pusat Eko-Pelajaran Hutan Paya Laut Matang	12 Feb	Pusat Eko-pelajaran Kuala Sepetang	23 Orang
2	Kursus Pengurusan Kewangan Anjuran Pejabat Hutan Kuala Kangsar	23-24 Feb	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	90 Orang
3	Kursus Tatacara Kutipan Fee Masuk ke Hutan Lipur Negeri Perak	27 Feb	Dewan Rimbawan, JPNPK	38 Orang
4	Kursus Kefahaman Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008	3-4 Mac	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	20 Orang
5	Kursus Asas Dendrologi	10-13 Mac	Hutan Lipur Ulu Kenas	35 Orang
6	Kursus Prosedur Kerja di Lapangan Mengikut Kriteria dan Petunjuk Pensijilan Pengurusan Hutan di Malaysia (MC&I[Hutan Asli])	10-12 Mac	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	74 Orang
7	Kursus Tebangan Balak Secara Berarah	20-24 April	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	31 Orang
8	Kursus Deklarasi Pengukuran Hasil Hutan (BPH)	29-30 April	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	29 Orang
9	Modul 13 (Komputer) Kursus Peralihan Skim Renjer Hutan	7-8 Mei	Bilik Mesy.2, JPNPK	26 Orang
10	Kursus Tapak Semaian dan Pengendalian Bahan Beracun	26-28 Mei	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	44 Orang
11	Kursus Pemantapan Sistem Pengurusan Kualiti EMS ISO 14001:2004 Pengurusan Dokumen JPSM	29 Mei	Pusat Eko-pelajaran Kuala Sepetang	20 Orang

BIL.	NAMA KURSUS	TARIKH	TEMPAT	BIL PESERTA
12	Modul 1 (Operasi) Kursus Peralihan Skim Renjer Hutan	8-12 Jun	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	26 Orang
13	Modul 12 (Penulisan) Kursus Peralihan Skim Renjer Hutan	15-19 Jun	Dewan Rimbawan, JPNPK	26 Orang
14	Modul 2 (Kewangan) Kursus Peralihan Skim Renjer Hutan	22-26 Jun	Dewan Rimbawan, JPNPK	26 Orang
15	Modul 3 (Stor dan Aset) Kursus Peralihan Skim Renjer Hutan	29 Jun - 3 Julai	Dewan Rimbawan, JPNPK	26 Orang
16	Modul 11 (Laporan Hutan) Kursus Peralihan Skim Renjer Hutan	6-10 Julai	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	26 Orang
17	Modul 10 (Asas Pentadbiran) Kursus Peralihan Skim Renjer Hutan	13-16 Julai	Dewan Rimbawan, JPNPK	26 Orang
18	Modul 14 (Pengucapan Awam) Kursus Peralihan Skim Renjer Hutan	27-30 Julai	Dewan Rimbawan, JPNPK	26 Orang
19	Kursus Asas Komputer	30-31 Julai	Kolej Komuniti Tapah, Perak	39 Orang
20	Kursus Pengecaman Balak	25-28 Ogos	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	46 Orang
21	Kursus Serbuan, Tangkapan Dan Rampasan Anjuran Pejabat Hutan Daerah Kuala Kangsar	5-8 Okt	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	32 Orang
22	Kursus Microsoft Word Dan Microsoft Excel Kepada Kakitangan Pejabat Hutan Daerah Kuala Kangsar	19-22 Okt	Kolej Komuniti	45 Orang
23	Kursus Pengukuran dan Penandaan Sempadan Kawasan Pengusahaan Hutan anjuran PLPT	19-22 Okt	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	30 Orang
24	Kursus "In-House Guide" Pusat Eko-pelajaran Hutan Paya Laut Matang, Kuala Sepetang	27 Okt/ 3-4 Nov	Pusat Eko-pelajaran Kuala Sepetang	34 Orang
25	Kursus Pengecaman Kayu	26-29 Okt	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	48 Orang
26	Kursus Perolehan Biji Benih dan Bahan Tanaman Jabatan Perhutanan Negeri Perak Tahap 1 Tahun 2015	30 Nov - 2 Dis	Hutan Lipur Ulu Kenas	19 Orang
27	Kursus Balai Pemeriksa Hutan, Garis Panduan Jalan Hutan 2010 (Pindaan 2013) Dan MC&I (Hutan Asli) dalam Karnival Kursus Jabatan Perhutanan Negeri Perak	8-10 Dis	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	84 Orang
28	Kursus Pengurusan Tapak Semaian Peringkat Pejabat Hutan Daerah Hulu Perak Dengan Kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Perak	21-23 Dis	Tapak Semaian Air Ganda	48 Orang




JADUAL 2: Senarai taklimat/ ceramah/ bengkel yang telah dijalankan pada tahun 2015

BIL.	NAMA KURSUS	TARIKH	TEMPAT	BIL PESERTA
1	Bengkel e-MMFR Siri 1	14 Jan	Bilik Mesy.2, JPNPK	20 Orang
2	Bengkel e-MMFR Siri 2	4-5 Mac	PTTC	20 Orang
3	Ceramah Kesihatan dan Program Derma Darah bagi Kakitangan Jabatan	22 April	Dewan Rimbawan, JPNPK	100 Orang
4	Bengkel EMS ISO 14001:2004	22 Jun	Bilik Gerakan, JPNPK	20 Orang
5	Program Pemantapan Integriti Sektor Perhutanan Peringkat Negeri-Negeri Semenanjung Malaysia 2015	29-30 Nov	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	100 Orang

PENGUATKUASAAN SIASATAN DAN PENDAKWAAN

Pada tahun 2015, sebanyak 33 kertas siasatan telah dibuka dan dijalankan siasatan dibawah Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 dan Enakmen Industri Berasas Kayu 1987. Pada tahun 2015, sebanyak 19 kertas siasatan telah selesai yang melibatkan kertas siasatan yang dibuka pada tahun 2015 dan tahun sebelumnya dimana 5 kertas siasatan telah dibawa ke mahkamah untuk pendakwaan dan telah selesai dimana Orang Kena Tuduh (OKT) telah dikenakan hukuman.



CARTA BAR : Trend Pendakwaan dibawah Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 dan Enakmen Industri Berasas Kayu 1987 bagi Tahun 2011 hingga 2015

Bagi tahun 2015 juga, sebanyak 14 kes telah didakwa di mahkamah yang melibatkan kertas siasatan pada tahun 2015 dan tahun sebelumnya. Daripada 14 kes tersebut, 12 kes telah selesai pendakwaan manakala 2 kes masih dalam perbicaraan.



LADANG HUTAN



PEMBANGUNAN LADANG HUTAN

Program Pembangunan Ladang Hutan meliputi kerja-kerja Rawatan Dan Penyelenggaraan Ladang Hutan, Penubuhan Ladang Hutan Dan Pengurusan Pembangunan Ladang Hutan. Projek-projek berkenaan merangkumi kerja-kerja rawatan dan penyelenggaraan petak Getah Klon Balak (TLC), Chengal dan Kapur, petak ladang Karas serta petak Projek Hutan Pelbagai Tingkat (Multi-Storied Forest Management) serta penubuhan petak ladang hutan spesies Meranti Pipit dan Meranti Seraya. Bagi tahun 2015, Progam Pembangunan Ladang Hutan telah diperuntukkan sebanyak RM 210,000.00 dan 99.9% daripada peruntukan berkenaan iaitu sebanyak RM 209,909.60 telah dibelanjakan. Sepanjang tahun 2015 juga, seluas 67.48 hektar kawasan ladang hutan sediada telah dijalankan rawatan dan penyelenggaraan dan seluas 5 hektar petak ladang baru ditubuhkan.

TANAMAN DAN RAWATAN HUTAN TANI

Program Sumber Bukan Kayu di bawah Projek Tanaman dan Rawatan Hutan Tani telah memperuntukkan sebanyak RM 20,000.00 dan sebanyak RM 19,980.00 (99.9%) telah dibelanjakan untuk rawatan dan penyelenggaraan petak hutan tani seluas 20 hektar di Hutan Simpan Chikus.

HUTAN BUKAN KAYU


BULUH, ROTAN DAN HERBA

Program di bawah pembangunan hutan bukan kayu meliputi kerja-kerja tanaman dan rawatan bagi tanaman buluh, rotan dan herba. Dalam tahun 2015, seluas 10.0 hektar kawasan telah dijalankan Projek Tanaman Buluh dengan perbelanjaan RM 41,950.00. (83.9%) dari peruntukan sebanyak RM 50,000.00. Bagi projek tanaman dan rawatan di bawah pembangunan sumber rotan dan herba, peruntukan yang diberikan adalah sebanyak RM 50,000.00 dan RM 60,000.00. Walau bagaimanapun, disebabkan masalah teknikal yang tidak dapat dielakkan, peruntukan tersebut tidak dapat dibelanjakan.

PENYELENGGARAAN TAMAN HERBA PAPAN

Penyelenggaraan Taman Herba Papan merangkumi projek sambungan pembinaan sebuah Pusat Rawatan Spa, bayaran khidmat perunding dan aktiviti bekalan pokok-pokok herba dan peralatan untuk kegunaan di Taman Herba Papan. Sebanyak RM 274,929.98 (54.99%) daripada RM 500,000.00 telah dibelanjakan sepanjang tahun 2015.





■ Hutan Lipur Papan

■ ARTIKEL

JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK





OP GANGGA

ESKAVASI PESAWAT DAKOTA DOUGLAS C-47B-1-DL MILIK UNITED STATES ARMY AIR FORCE (USAAF) DI HUTAN SIMPAN KEKAL BERUAS

Tahun 2015 melakar sejarah Jabatan Perhutanan Negeri Perak dalam bersama-sama dengan Kerajaan Malaysia yang diketuai oleh Kementerian Pertahanan Malaysia untuk menjayakan satu operasi Eskavasi Pesawat Dakota Douglas C-47B-1-DL milik United States Army Air Force (USAAF) di Hutan Simpan Kekal Beruas atau dikenali sebagai OP GANGGA.

OP GANGGA mendapat namanya sempena lokasinya di Pekan Beruas. Beruas adalah merupakan tapak Kerajaan Melayu lama pada abad ke-2 masih lagi yang dikenali sebagai GANGGA NEGARA. Menurut kajian yang dijalankan oleh Tuan Haji Abdul Hamid Zamburi, berdasarkan buku Geographike Huphegesis yang ditulis oleh Ptolemy sekitar 150M ada menyebut tentang sebuah tempat bernama Coconagara yang terletak di Avrea Cheronesvs(Golden Khersonese/Semenanjung Emas; iaitu merujuk kepada Tanah Melayu). Secara fonetiknya, sebutan Coconagara seakan-akan menyamai sebutan Gangga Negara. Seterusnya Gangga Negara digantikan oleh sebuah kerajaan Melayu-Islam yang dikenali sebagai Kerajaan Beruas. Kawasan ini dikenali sebagai Beruas bersempena dengan terdapatnya Pokok Beruas yang banyak tumbuh di persekitarannya.

Pada 27 November 1945 bersamaan hari Selasa, pesawat Dakota C-47B ini yang dipandu oleh Judson

B.Baskett (T-64445) bersama Pembantu Juruterbang William H.Myres (O-796183) dan Juru Semboyan Donald E.Jones (37484709) telah berlepas dari Singapura menuju ke Lapangan Terbang Butterworth untuk misi penghantaran bekalan makanan. Pada ketika itu, keadaan cuaca yang hujan di beberapa lokasi dan mempunyai bacaan flight visibility/jarak penglihatan di dalam lingkungan di antara 50 kilometer visual. Lokasi terakhir Pesawat ini dapat dikesan ketika di ruang udara Melaka sebelum terputus hubungan pada hari yang sama. Operasi mencari telah dilancarkan oleh Pesawat USAAF dengan dibantu beberapa pesawat dari Royal Air Force (RAF) namun tiada sebarang penemuan yang dilaporkan. Pada 16 Disember 1945, Operasi mencari ini dihentikan dan semua kru ini diklasifikasikan sebagai Missing In Action (MIA) / hilang ketika bertugas. Justeru itu, pada 28 November 1946, kesemua kru Pesawat Dakota C-47B ini telah disenaraikan sebagai terbunuh ketika bertugas "Killing In Action" (KIA) dan kesemua nama-nama kru pesawat ini disemadikan serta dipahat di Manila America Cemetery.

Kesemua Kru Pesawat Dakota C-47B No daftar 43-16261 ini berasal dari 1305th Army Air Force Base Unit yang berpengkalan di Calcuta, India. Pesawat ini diletakkan dibawah penugasan Air Transport Command (ATC) dengan ringkasan butiran pesawat seperti berikut:-

- a. **Nama Pesawat :**
Douglas C-47B-1-DL Skytrain (Dakota C-47B)
- b. **No Siri Enjin :**
Pratt & Whitney R-1830-90C (1)
CP-139632 (2) P-133226
- c. **Panjang Sayap :**
28.956 meter
- d. **Panjang Pesawat :**
19.20 meter
- e. **Tinggi Pesawat :**
5.18 meter
- f. **Kelajuan Maksimum :**
230 mph (370.15 km/j)
- g. **Aras Ketinggian :**
24,000 kaki (7315.2 meter)
- h. **Jarak Pesawat :**
16,000 batu
- i. **Kru Pesawat :**
Juruterbang : Judson B.Baskett (T-64445)
Pembantu Juruterbang : William H.Myers
(O-796183)
Jururadio/Juru semboyan - Donald E.Jones
(37484709)



Penemuan rangka pesawat ini mula dilaporkan pada Julai 1966 apabila dikesan dari udara dengan nombor siri di bahagian ekor pesawat yang jelas kelihatan "316261" serta lambang Air Transport Command di badan bahagian ekor pesawat. Disamping itu, Jurucakap Pentagon juga mengesahkan menerima pemintaan ibu Kru Pesawat Dakota C-47B ini iaitu ibu kepada Pembantu Juruterbang William H.Myers, Mrs Edith R.Myers supaya menjalankan pencarian nahas pesawat dengan mengambil kira lokasi nahas yang telah ditemui pada ketika itu, namun tiada tindakan susulan yang dilaporkan berkaitan dengan usaha pencarian kru nahas pesawat.

Cadangan Projek Eskavasi Pesawat mula dikemukakan oleh Pihak Defence Prisoner of War/Missing In Action Accounting Agency DPAA Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat berpengkalan di Hawaii, Amerika Syarikat. Seterusnya pada 26 Februari 2015, Jawatankuasa Kerja Eskavasi Pesawat USAAAF MACR yang diterajui oleh Bahagian Dasar Kementerian Pertahanan melantik Muzium Tentera Darat sebagai peneraju Pihak Berkusa kepada Projek OP GANGGA ini. Projek eskavasi ini turut disertai oleh Pakar DPAA dari Amerika Syarikat serta agensi-agensi berkaitan di Malaysia.

Misi Eskavasi ini telah dijalankan pada 24 Ogos 2015 dengan membawa satu misi yang telah diamanat kepada Kerajaan Malaysia agar menggali dan membawa keluar rangka ketiga-tiga anggota tentera Amerika Syarikat yang terkorban di Hutan Simpan Bubu. Penglibatan awal Jabatan Perhutanan Negeri Perak di dalam tinjauan awal bagi mengesahkan artifak yang berusia hampir 70 tahun ini masih lagi berada di dalam Hutan Simpan Kekal Bubu telah dilaksanakan pada akhir Februari 2015 yang lalu. Seterusnya tinjauan ini turut disusuli oleh pihak Angkatan Tentera Malaysia bagi meninjau kawasan nahas serta perancangan kerja-kerja eskavasi yang akan dilaksanakan bagi mengesan dan menggali ketiga-tiga mangsa nahas pesawat ini. Bagi tujuan OP GANGGA ini, Kementerian Pertahanan Malaysia telah melantik kumpulan pakar Disaster Victim Identification (DVI), Bahagian Kesihatan Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Kimia Malaysia, dan Institusi Perubatan Forensik Negara (IPFN) untuk terlibat sama dalam aspek carigali dan pengesahan identiti rangka manusia secara saintifik. Penglibatan Pusat Penyelidikan Arkeologi Global Universiti Sains Malaysia dan wakil Institut Alam Persekutuan Pantai Timur turut terlibat dalam usaha memberi khidmat nasihat dan perkhidmatan profesional dalam kerja-kerja eskavasi serta cari gali di tapak projek eskavasi ini.

Di peringkat Jabatan Perhutanan adalah menjadi satu medan ilmu yang berguna kepada kakitangan dalam menelaah dan meneroka ilmu penyelidikan serta pencarian khaazanah atau warisan tinggalan sejarah. Pada Oktober 2015, Misi Eskavasi ini memberi kejayaan kepada para arkeologi apabila menemui sebentuk gigi palsu milik salah seorang Kru Pesawat Dakota C-47B ini serta penemuan dua utas jam tangan milik kru pesawat ini. Hasil siasatan yang telah dijalankan mendapat gigi palsu itu adalah kepunyaan milik Juruterbang Pesawat Dakota C-47B Judson B. Baskett manakala dua utas jam tersebut dipercayai milik Myers dan Jones.

Pada 5 November 2015 telah berlangsungnya Majlis Istiadat Penyerahan Rangka Manusia Kru Pesawat Dakota C-47B di Pengkalan Udara Subang, Malaysia. Majlis Upacara ini dijalankan dengan penuh adat istiadat ketenteraan sebagai tanda penghormatan kepada Veteran-veteran Perang Amerika Syarikat yang telah gugur ketika bertugas. Disamping itu juga dijalankan Majlis Serah Terima Rangka Manusia Kru Pesawat yang terlibat di dalam nahas tersebut antara Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia dan Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat Dengan berakhirnya misi ini dapat merungkai misteri Kehilangan Pesawat Dakota C-47B yang selama 70 tahun ini. Disamping itu, misi ini juga dapat memberi jawapan kepada keluarga mangsa berhubung misteri kehilangan Dakota yang hilang ketika dalam perjalanan dari Singapura ke Butterworth pada 27 November 1945 yang lalu.

Kronologi

Pencarian Pesawat Dakota C-47B yang terhempas di Hutan Simpan Kekal Bubu pada 1945

27 November 1945

Pesawat melakukan penerbangan dari Singapura menuju Lapangan Terbang Butterworth dan hanya dapat dikesan ketika ruang udara Melaka sebelum terputus hubungan. Operasi mengesan pesawat dijalankan oleh Pesawat USAAF dengan dibantu beberapa pesawat lain dari RAF. Bagaimanapun tiada sebarang penemuan dilaporkan.

16 Disember 1945

Operasi dihentikan dan semua kru diklasifikasikan sebagai hilang ketika bertugas.

28 November 1945

Kru disenaraikan sebagai terbunuh ketika bertugas "killing In Action"

Julai 1966

Penemuan rangka pesawat dilaporkan pada Julai 1966 apabila dikesan dari Udara dengan nombor siri di bahagian ekor pesawat yang jelas kelihatan '316261' dan lambang Air Transport Command. Jurucakap Pentagon mengesahkan menerima pemintaan Ibu Myers supaya pencarian dilakukan, namun tiada tindakan susulan.

1997

Ketua Penyelidik memaklumkan mengenai tiga pesawat Amerika Syarikat terhempas di Malaysia iaitu Pesawat B29, Superfortress di Negeri Sembilan dan dua pesawat Dakota di Perak.

2009

Penduduk tempatan menemui pesawat itu diikuti penemuan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak dan Syarikat Pembalakan sebelum dimaklumkan kepada kedutaan AS di Malaysia yang membawa kepada usaha untuk mencari diteruskan.

2015

OP GANGGA bermula pada 27 Julai 2015 dan selesai pada bulan November 2015.





RAINFOREST MTB DOWNHILL CHALLENGE 2015 (EPISODE II)

Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK) dengan usahamasa Kelab Basikal Lasak "Neighbourhood", Perak (NBHC), Jawatankuasa Belia Sukan Multimedia & Komunikasi Negeri Perak Darul Ridzuan serta Jawatankuasa Kesihatan, Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Perak Darul Ridzuan telah menganjurkan Program "Rainforest MTB Downhill Challenge 2015 (Episode II)".

Program ini merupakan kesinambungan dari acara Rainforest MTB Downhill Challenge 2014 Episode I yang telah diadakan dengan jayanya pada 10 Mei 2014 yang lalu. Program pada kali ini telah dirasmikan oleh Dr. Mohd Hizamri bin Mohd Yasin, Timbalan Pengarah (Pembangunan), JPNPK. Seramai 120 orang peserta telah menyertai program ini dan sambutan yang diberikan amat menggalakkan dari pelbagai peringkat umur. Penyertaan peserta termasuklah dari dalam dan luar negara seperti Singapura, Indonesia dan Filipina. Penganjuran program ini adalah bertujuan untuk mempromosikan Taman Rimba Kledang Saiong sebagai lokasi tumpuan aktiviti berbasikal lasak. JPNPK juga telah membina dan menyediakan laluan berbasikal yang sesuai dan besar harapan dapat menjadikan ia sebagai Taman Tema Berbasikal yang pertama di Malaysia yang terdapat dalam kawasan Hutan Simpan. Acara yang dipertandingkan ialah adalah merangkumi 6 kategori iaitu:-



1. Junior – 18 tahun ke bawah
2. Open – 19 tahun hingga 29 tahun
3. Master A – 30 tahun hingga 34 tahun
4. Master B – 35 tahun hingga 39 tahun
5. Master C – 40 tahun ke atas
6. Elite – National Champ/ Pro/ Expert

Program ini juga telah mendapat perhatian dan tajaan dari pelbagai pihak termasuklah Perak News.com, iaitu rakan media yang membuat liputan sepanjang program ini berlangsung, Redbull Asia (penaja minuman), Pedal Gear & FTM Malaysia (penaja pakaian sukan basikal lasak) dan juga Terminal Aspire (syarikat korporat tempatan).



TAMAN NEPENTHES, TAMAN RIMBA KLEDANG SAIONG

Taman Nepenthes telah dibangunkan di dalam Taman Rimba Kledang Saiong (TRKS) yang merupakan Taman Nepenthes salah satu yang terbesar di dunia. Pada 14 Oktober 2013, Taman Nepenthes ini mula dibangunkan dan siap sepenuhnya pada 30 April 2014 dengan kos peruntukan sebanyak RM 299,385.00. Nepenthes atau dikenali sebagai Periuk Kera di kalangan masyarakat Malaysia adalah tumbuhan karnivor yang hidup melata terutama di kawasan tanah tinggi. Pada kebiasaannya, tumbuhan ini tumbuh di tanah berasid, tidak subur dan kekurangan nitrogen. Nepenthes merupakan pokok maging yang memerangkap serangga dalam periuknya untuk membekalkan sebahagian dari nitrogen yang diperlukan Nepenthes.

Terdapat 55 spesies Nepenthes endemik yang terdapat di taman ini antaranya daripada Kepulauan Borneo, Indonesia, Thailand, Sri Lanka dan Myanmar. Antara spesies Nepenthes endemik yang di tanam di Taman Nepenthes ini adalah *Nepenthes reinwardtiana*, *Nepenthes truncata*, *Nepenthes bicalcarata*, *Nepenthes veitchii*, *Nepenthes alata*, *Nepenthes adnata*, *Nepenthes andamana*, *Nepenthes ampullaria* dan lain-lain lagi. Sebagai contoh, *Nepenthes bicalcarata* biasanya tumbuh di kawasan ketinggian 800- 1000m atas paras laut dengan taburan populasi spesies endemik di Kemboja. Manakala, *Nepenthes reinwardtiana* endemik di kawasan Borneo, Semenanjung Malaysia, Singapura dan Sumatra. Spesies *Nepenthes treubiana* pula, taburan populasi di New Guinea di mana tumbuh di kawasan antara 0-80m atas paras laut.

Selain itu, taman ini juga mempunyai 15 spesies hybrid yang menarik dan unik hasil kacukan dari spesies Nepenthes endemik. Bagi spesies hybrid yang terdapat di taman ini adalah *Nepenthes lowii x campanulata*, *Nepenthes x dyeriana*, *Nepenthes x sharifah-hapsahii*, *Nepenthes x bauensis*, *Nepenthes x cantleyi*, *Nepenthes x coccinea*, *Nepenthes mirabilis var globosa x bicalcarata* dan sebagainya.



Cara penjagaan tumbuhan nepenthes ini adalah lebih mudah berbanding dengan penjagaan tumbuhan yang lain. Penjagaan Taman Nepenthes di Taman Rimba Kledang Saiong memerlukan penyiraman air yang dilakukan di waktu pagi dan petang mengikut keadaan cuaca. Manakala, pembajaan hanya dilakukan sebulan sekali mengikut keperluan dan racun serangga disembur jika terdapat serangga perosak seperti sarang semut yang boleh mengganggu pertumbuhan pokok Nepenthes ini.

Kesimpulannya, kepelbagaiannya spesies Nepenthes yang berbeza bentuk dan warna ini bukan sahaja menarik perhatian para penyelidik dari dalam dan luar Negara, malahan merupakan salah satu kaedah yang berkesan dalam menambahkan lagi ilmu pengetahuan kepada pelajar-pelajar sekolah dan mahasiswa/ mahasiswi di peringkat universiti mengenai tumbuhan karnivor ini.



LAWATAN MENCEMAR DULI KERABAT DIRAJA PERLIS KE TAMAN NEPENTHES, KLEDANG SAIONG

Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail bersama Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil telah berkenan mencemar duli ke Taman Nepenthes, Taman Rimba Kledang Saiong, Ipoh Perak. Ketibaan kedua-dua kerabat DiRaja Perlis ini telah disambut oleh YBhg. Dato' Haji Roslan bin Ariffin, Pengarah Perhutanan Negeri Perak, Dr. Mohd Hizamri bin Mohd Yasin, Timbalan Pengarah (Pembangunan) dan Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk).

DYTM Raja Muda Perlis bersama DYTM Raja Puan Muda Perlis telah diberi penerangan mengenai spesies Nepenthes yang terdapat di taman ini. Program diteruskan dengan aktiviti penanaman pokok Damar Minyak oleh DYTM Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail bersama DYTM Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin ibni AlMarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail juga mencemar duli ke Taman Nepenthes pada 9 Mei 2015. Baginda bersama Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan Perlis, Tuanku Tengku Fauziah ibni Almarhum Tengku Abdul Rashid melawat ke Taman Nepenthes untuk melihat sendiri keunikan pokok 'Periuk Kera' ini yang boleh menarik minat orang ramai yang sesuai untuk semua peringkat umur terutama golongan muda. Baginda dan Raja Perempuan Perlis juga telah menanam pokok Tulang Daing di sekitar Taman Nepenthes sebagai simbolik lawatan mencemar duli ke taman ini.





SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA

PERINGKAT NEGERI PERAK
TAHUN 2015 &
PROGRAM KEMBARA
RIMBA BERSAMA
YAB MENTERI BESAR PERAK



Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Perak Tahun 2015 dan Program Kembara Rimba Bersama Menteri Besar Perak telah diadakan dengan jayanya pada 12 April 2015 yang bertempat di Arena Square Pangkor, Pasir Bogak, Pulau Pangkor. Dengan bertemakan "Hutan Untuk Kesejahteraan Masyarakat", sambutan Hari Hutan Peringkat Negeri Perak ini merupakan kesinambungan daripada sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan yang telah diadakan pada 22 Mac 2015 yang lalu di Taman Jubli Emas, Suka Menanti, Alor Setar, Kedah Darul Aman yang dilancarkan oleh YAB Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Mahathir.

Majlis tersebut dirasmikan oleh YAB Dato' Seri DiRaja Dr. Zamby bin Abd. Kadir, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan. Majlis turut dihadiri YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Seri Abdul Puhat Bin Mat Nayan, Pengurusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia Negeri, YBhg. Dato' Shahruh Zaman bin Yahya dan Pengarah Perhutanan Negeri Perak, YBhg. Dato' Haji Roslan bin Ariffin. Dalam ucapan perasmian beliau menyatakan Kerajaan negeri dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK) komited dalam melaksanakan program Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (SFM) yang mana sebahagian besar hutan telah dikenal pasti malah di Pulau Pangkor misalnya, beberapa bukit dijadikan tarikan agar pelancong dapat merasai suasana alam semula jadi Hutan Hujan Tropika yang kaya dengan flora dan

fauna. Sehingga 28 Februari 2015, keluasan hutan di Negeri Perak ialah 1.02 juta hektar atau 48.6 peratus daripada jumlah keluasan tanah di negeri ini. Beliau juga menyarankan agar lokasi yang menarik di Pulau Pangkor dikaji bagi pembangunan eko-pelancongan termasuk memasukkan unsur sukan lasak seperti berbasikal, flying fox dan orienteering.

YAB Dato' Seri DiRaja Dr. Zamby bin Abd. Kadir turut menyertai aktiviti kembara rimba bermula dengan berbasikal sebelum meneruskan dengan berjalan kaki bersama kakitangan JPNPK dan media di Hutan Simpan Pangkor sejauh 1.8 kilometer dan menanam 30 pokok dari spesies Merawan Siput Jantan. Kira-kira hampir 500



orang pengunjung telah menyertai sambutan Hari Hutan Antarabangsa pada kali ini. Pelbagai acara menarik telah diadakan terutamanya untuk pelajar sekolah seperti pameran, ceramah perhutanan, pertandingan spelling bee, pertandingan mewarna dan pertandingan Cyclo-Hunt.

JPNPK juga amat berbesar hati kerana sekali lagi dapat bekerjasama dengan Radio Televisyen Malaysia (RTM) Perak yang telah menjadi media utama untuk menawarkan informasi berkaitan program ini khususnya kepada rakyat di negeri Perak. RTM Perak turut menyediakan aktiviti menarik antaranya kuiz berkaitan perhutanan.



PROGRAM PERHUTANAN SOSIAL PEJABAT HUTAN DAERAH KINTA/MANJUNG BERSAMA PENDAKI GUNUNG KORBУ

Ipoh, 10 Disember 2015 – Program Perhutanan Sosial Pejabat Hutan Daerah Kinta/Manjung Bersama Pendaki Gunung Korbu telah diadakan dengan jayanya pada 10-13 Disember 2015 yang bertempat di Empangan Sultan Azlan Shah Ulu Kinta, Ipoh. Program Perhutanan Sosial ini diadakan adalah untuk mempromosikan Puncak Gunung Korbu sebagai sebuah kawasan tarikan pelancongan di Negeri Perak serta mengeratkan lagi kerjasama antara pendaki-pendaki gunung dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak dalam melestarikan alam sekitar.

Majlis ini telah dirasmikan oleh YBrs Tuan Timbalan Pengarah Perhutanan (Pembangunan) Jabatan Perhutanan Negeri Perak yang turut dihadiri oleh pendaki-pendaki gunung dari pelusuk Semenanjung Malaysia. Turut hadir bersama adalah pegawai-pegawai kanan Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Dalam ucapan perasmian turut dinyatakan bahawa Gunung Korbu merupakan gunung kedua tertinggi di Semenanjung Malaysia yang mempunyai ketinggian 2,183 meter dari paras laut. Di samping itu, program yang diadakan ini merupakan kerjasama antara Jabatan Perhutanan Negeri Perak bersama-sama pendaki gunung dalam menjalankan kerja-kerja khidmat sosial disepanjang laluan pendakian ke puncak gunung. Antara kerja-kerja yang perlu dilakukan oleh para pendaki adalah dengan memasang tangga keselamatan di kawasan yang berisiko, memasang tali keselamatan di kawasan berisiko, menempatkan tangki simpanan air di puncak gunung, memasang papan tanda puncak gunung serta kawasan perkhemahan dan mencuci kawasan perkhemahan daripada sampah sarap yang ditinggalkan oleh para pendaki yang kurang kecintaan alam sekitar.

Program ini telah disertai seramai 70 orang pendaki yang menawarkan diri yang merupakan platform permulaan di antara jabatan bersama masyarakat, terutama untuk komuniti-komuniti pendaki bagi memulihandenggalas tanggungjawab bersama dalam memastikan hutan dan gunung ini sentiasa diperlihara keindahannya. Selain itu, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah mengambil langkah-langkah keselamatan dan berjaga-jaga dengan mengeluarkan arahan penutupan pendakian gunung diseluruh Negeri Perak bermula pada 1 Disember sehingga 31 Januari



bagi mengelakkan risiko kemalangan pada musim tengkujuh. Sepanjang tempoh penutupan pendakian ini, menjadi tanggungjawab jabatan menjalankan aktiviti pembersihan laluan tersebut.

Dalam memajukan lagi kawasan pelancongan ini, Kerajaan Negeri Perak melalui Jabatan Perhutanan Negeri Perak bercadang untuk menaiktaraf laluan pendakian dengan beberapa cadangan seperti pembinaan wakaf di kawasan kem perkhemahan Seroja dan Kijang. Serta menjalankan kajian Daya Tampung (Carrying Capacity) bagi mengawal limpahan pendaki bagi mengurangkan impak alam sekitar ke atas trek pendakian,membuka Pusat Pendaftaran Pendakian di Hutan Lipur Ulu Kinta dalam proses pemohonan permit memasuki hutan simpan serta menganjurkan satu program yang dinamakan "Race to the Top" iaitu sebuah perlumbaan pendakian dari kaki gunung ke puncak sepertima yang dianjurkan di Gunung Kinabalu, Sabah.



PEMANTAUAN UDARA JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

Pemantauan udara menggunakan helikopter ini adalah salah satu kaedah penguatkuasaan yang dijalankan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak bagi tujuan pemantauan dan pengesahan aktiviti pembalakan haram serta pencerobohan hutan yang berlaku di Negeri Perak. Aktiviti pemantauan udara dirancang berlandaskan jadual yang diatur oleh Unit Operasi & Penguatkuasaan, Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Namun penggunaan helikopter ini adalah bergantung kepada aduan dan keperluan semasa.

Pada awal tahun 2015 Jabatan ini telah membuat pemantauan udara (Penilaian dan Pemantauan Sumber Hutan) sebanyak dua (2) kali. Pemantauan pertama adalah pada 22 April 2015 (Rabu) yang melibatkan kawasan Hutan Simpan Bikam dan Hutan Simpan Chikus Daerah Perak Selatan, Hutan Simpan Kledang Saiong, Daerah Kinta Manjung, Hutan Simpan Bubu Daerah Kuala Kangsar, Kawasan CFS PL2, Kawasan Amanjaya Tree Planting dan Hutan Simpan Temengor Daerah Hulu Perak. Pemantauan kedua pada 20 Ogos 2015 melibatkan Kawasan Tanaman Persisiran Pantai, Mukim Lekir, Kawasan Hutan Simpan Segari, Kawasan Hutan Simpan Bubu, Daerah



Kinta Manjung. Kawasan Hutan Simpan Sungai Temerlok, Kawasan Hutan Simpan Pulau Trong, Hutan Simpan Pulau Sangga Besar, Daerah Larut & Matang. Kawasan Hutan Simpan Pondok Tanjung, Kawasan Hutan Simpan Piah, Daerah Kuala Kangsar. Kawasan Hutan Simpan Bukit Tapah, Hutan Simpan Bukit Slim, dan Hutan Simpan Behrang Daerah Perak Selatan. Tempoh penerbangan sepanjang tahun 2015 adalah kira-kira 12 jam.

Komitmen Jabatan Perhutanan Negeri Perak dalam melaksanakan strategi keberkesanan penguatkuasaan dengan mengadakan sistem pemantauan melalui udara ini adalah salah satu daripada strategi jangka pendek yang diamalkan di peringkat Negeri Perak. hasil pemantauan udara yang dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak juga membolehkan jabatan ini mengenalpasti kawasan-kawasan Hutan Simpanan Kekal yang dicerobohi serta diteroka tanpa kebenaran juga dapat mengesan kesalahan-kesalahan hutan yang lain.



PROGRAM INTEGRITI PERINGKAT JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK BAGI TAHUN 2015

Pada tahun 2015, sebanyak dua (2) program integriti telah diadakan bagi mengukuhkan integriti di sektor perhutanan khususnya di Jabatan Perhutanan Negeri Perak Darul Ridzuan. Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNP) bersama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menjalankan Program Pemantapan Integriti Sektor Perhutanan Peringkat Negeri Perak yang mana melibatkan seramai 80 orang warga JPNP yang telah diadakan pada 29 November 2015 (Ahad) dan 30 November 2015 (Isnin) di Kompleks Latihan Perhutanan Sungai Siput (Utara). Antara program yang dijalankan adalah ceramah agama, qiamulail, ceramah integriti dan forum berkaitan integriti.

Program integriti yang kedua pula adalah Diskusi Meja Bulat (RTD) dalam Sektor Perhutanan Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan yang telah diadakan pada 1 Disember 2015 (Selasa). Program ini merupakan kerjasama antara Bahagian Integriti dan Tadbir Urus Putrajaya, Unit Integriti Perhutanan, JPSM, SPPR dan JPNP. Program ini bertemakan ‘Bersama Meningkatkan Hasil Hutan Negara’ dan telah dihadiri oleh peserta seramai 28 orang yang terdiri daripada golongan pembalak dan pengilang di Negeri Perak. Program ini merupakan lanjutan daripada majlis menandatangani Ikrar Integriti [Corporate Integrity Pledge (CIP)] oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak dengan pihak pengusaha balak, kontraktor pembalakan, pengusaha dan pengilang Industri Berasaskan Kayu pada tanggal 2 Disember 2014 yang lalu. Objektif program ini adalah untuk memberikan kefahaman dan kesedaran mengenai jenayah rasuah dan kesannya ke atas sektor perhutanan. Program ini juga memberikan kefahaman mengenai konsep dan pelaksanaan CIP dalam syarikat-syarikat pembalakan serta pengilang-pengilang industri berasaskan kayu. Selain memupuk serta mengeratkan kerjasama di antara JPSM, SPPR dan Pihak Berkusa Negeri untuk sama-sama memantapkan Integriti serta tadbir urus dalam sektor perhutanan, program ini juga merupakan salah satu program untuk mendapatkan maklumbalas dua hala bagi tujuan penambahbaikan terhadap proses kerja yang dijalankan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak.



MAJLIS PERASMIAN VIADUCT KORIDOR EKOLOGI CENTRAL FOREST SPINE (CFS)

HUTAN SIMPAN AMANJAYA & TAPAK PROJEK TROPICAL RAINFOREST LIVING COLLECTION BANUN (TRLC-BANUN)

